

**SOALAN NO. : 255**

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA  
PERTANYAAN LISAN**

**PERTANYAAN : SOALAN BUKAN JAWAPAN LISAN**

**DARIPADA : Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas]**

**TARIKH :**

**SOALAN :**

**Dato' Ngeh Koo Ham [ Beruas ]** minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR** menyatakan berapakah jumlah kilang-kilang pyrolysis di negeri Perak dan adakah Jabatan Alam Sekitar meluluskan operasi kilang-kilang ini.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Dipertua,

Jumlah kilang pyrolysis yang sedang beroperasi di Negeri Perak adalah sebanyak 28 buah kilang. Jabatan Alam Sekitar tidak pernah meluluskan operasi kilang-kilang ini disebabkan faktor-faktor berikut:

- i. Lokasi kilang berhampiran dengan perumahan;
- ii. Tidak mempunyai lesen perniagaan daripada Pihak Berkuasa Tempatan; dan
- iii. Menggunakan kaedah tradisional (usang) atau kovenisional tanpa memasang teknologi kawalan pencemaran udara yang lebih cekap di mana tidak berupaya mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

Sekian, terima kasih.